

SEMBANG

KELUARAN : BIL 6

JANUARI 2026 | 15 REJAB 1447

@Waghah

MUHASABAH DIRI JALAN MENGGAPAI BAHAGIA DI AKHIRAT



Susunan oleh: Ustaz Mohammad Faizul Abdan



Allah Ta'ala Maha Mengetahui apa jua yang berlaku di alam ini. Dia sentiasa mengetahui seluruh keadaan hamba-hamba-Nya, sama ada yang nyata mahupun yang tersembunyi. Maka beruntung dan berbahagia lah orang yang sentiasa mengikuti Rasulullah ﷺ, berpegang teguh pada petunjuk, ajaran dan bimbingannya. Orang yang berjaya dan selamat ialah mereka yang takut akan hari perhitungan (hisab), sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam al-Quran:

﴿وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ فَيَنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ﴾

Maksudnya: “Adapun orang yang takut kelak akan dihisab oleh Tuhannya dan menahan diri daripada keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurga itulah tempat tinggalnya.”

Orang beriman yang dia takut akan pertanyaan pada hari perhitungan ketika dihisab akan mempersiapkan diri untuk kehidupan selepas mati dengan menjauhi perkara yang diharamkan serta menunaikan kewajipan yang telah Allah perintah dan tentukan ke atas dirinya.

Selain itu juga, dia menahan dirinya daripada mengikut kehendak hawa nafsu yang tercela; iaitu dorongan nafsu yang sentiasa mengajak kepada keburukan dan bertentangan dengan syariat Allah Ta'ala.

Muhasabah yang sebenar ialah muhasabah yang pahit; iaitu berani mengatakan dan melakukan kebenaran walaupun terasa berat dan pahit. Ada sebahagian orang apabila mula bermuhasabah, mereka mendapati dirinya pernah memakan harta orang lain, merampas tanah orang lain, atau melanggar hak sesama manusia. Apabila dia mahu mengembalikannya, perkara itu terasa sukar, lalu menjadi “pahit” untuk dilaksanakan. Sayyidina ‘Umar radhiyallahu ‘anhu pernah menyebut:

حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا، وَزِنُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُوزَنُوا، أَهْوَنُ عَلَيْكُمْ فِي الْحِسَابِ غَدًا أَنْ تَحَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ الْيَوْمَ، وَتَزِينُوا لِلْعَرْضِ الْأَكْبَرِ.

﴿يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنْكُمْ خَافِيَةٌ﴾ [الحاقة: 18]

Maksudnya: “Muhasabalah diri kamu sebelum kamu dihisab, dan timbanglah diri kamu sebelum kamu ditimbang. Sesungguhnya akan lebih ringan bagi kamu pada hari perhitungan kelak jika kamu menghisab diri kamu pada hari ini. Dan bersiaplah untuk menghadapi ‘Hari Perhitungan’, sebagaimana firman Allah: ‘Pada hari itu kamu akan dihisab oleh Allah, tiada sesuatu pun daripada kamu yang tersembunyi.’”

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam az-Zuhd)

Oleh itu, sesiapa yang bermuhasabah di dunia, akan terasa ringan baginya urusan di akhirat nanti. Antara natijah muhasabah diri ialah: apabila kita terlanjur melakukan maksiat, maka segeralah kita bertaubat.



Sesungguhnya manusia di dunia ini sentiasa berada dalam jihad: melawan hawa nafsu, melawan syaitan daripada kalangan manusia dan jin, serta melawan dunia yang fana. Dalam suatu peperangan, manusia boleh terluka; namun yang benar-benar membinasakan ialah apabila dia hanya duduk diam dan malas berjuang.

Setiap hari apabila kita bangun daripada tidur, hakikatnya kita kembali memasuki medan pertempuran, medan jihad. Dan berakhirnya pertempuran ini hanyalah apabila ajal kita tiba, bukan sebelumnya.

Sebahagian orang menyangka bahawa apabila dia sudah solat, berpuasa dan bertaubat kepada Allah, maka dia sudah terbebas daripada godaan syaitan dan selamat dalam pertempuran ini. Sedangkan Imam Ahmad bin Hanbal رحمه الله ketika sakit menjelang wafatnya—sebagaimana diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam Syu‘abul Iman—beliau memandang ke sudut rumah sambil berkata:

لَا لَيْسَ بَعْدُ لَا حَتَّى أَمُوتَ

”.Tidak, belum sekarang... tidak, sehingga aku mati“

Ketika itu anaknya bertanya: “Wahai ayah, apa yang berlaku? Apa yang ayah lihat?” Beliau

:menjawab

إِنَّ الشَّيْطَانَ قَائِمٌ بِجَانِبِي يَقُولُ: يَا أَحْمَدُ فُتِنِي، وَأَنَا أَقُولُ: لَا، لَيْسَ بَعْدُ، لَا حَتَّى أَمُوتَ

:”Sesungguhnya syaitan berdiri di sisiku sambil berkata“

Wahai Ahmad, engkau telah terbebas daripadaku.’Lalu aku menjawab: ‘Tidak, belum sekarang...‘

”..tidak, sehingga aku mati

Justeru itu, marilah kita bermuhasabah diri sebelum kita dihisab, dibentangkan segala amalan kita di padang mahsyar nanti oleh Allah Yang Maha Mendengar tanpa telinga, Maha Melihat tanpa mata, serta Maha Mengetahui segala sesuatu; tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya.

Rasulullah ﷺ bersabda:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ
(رواه الترمذي)

Maksudnya: “Orang yang cerdas ialah orang yang sentiasa menginsafi (menghisab) dirinya dan beramal untuk kehidupan selepas mati. Adapun orang yang lemah ialah orang yang menuruti hawa nafsunya serta hanya berangan-angan kepada Allah.” (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi)

Maka orang yang bijak ialah orang yang menghisab dirinya di dunia sebelum dihisab pada hari kiamat. Adapun orang yang lemah ialah orang yang tidak menahan diri daripada syahwat, tidak mencegah diri daripada perkara haram dan kesenangan yang terlarang; walaupun dosanya banyak, dia hanya .berangan-angan akan keampunan Allah





Namun, penting untuk kita sedar, bahawa muhasabah diri memerlukan ilmu. Bagaimana mungkin seseorang menghisab dirinya sedangkan dia tidak mengetahui yang mana halal dan yang mana haram? Pernahkah kita mendengar ada sebuah syarikat melantik seorang akauntan yang tidak mampu membezakan antara rugi dan untung? Sudah tentu tidak.

Ada seseorang berkata: "Aku hanya memiliki seratus ribu. Aku melihat seorang fakir meminta sedekah, lalu aku memberinya seratus ribu itu. Setelah berjalan sedikit, aku menemukan wang satu juta tergeletak di jalan, lalu aku mengambilnya." Kemudian dia berkata—sedangkan kata-katanya bercanggah dengan syariat Allah—"Itu kerana aku telah bersedekah kepada fakir tadi."

Jika dia berilmu, tentu dia mengetahui bahawa dalam syariat Allah perkara itu disebut luqatah (barang jumpa). Dia tidak boleh mengambil dan menggunakannya sebelum bertanya dan mencari pemiliknya, mengikut perincian yang telah dijelaskan oleh para ulama. Orang seperti ini, apabila mahu menghisab dan bermuhasabah, dia tidak akan mampu melakukannya kerana dia tidak boleh membezakan antara halal dan haram. Wahai saudara-saudara seiman, apabila kita memiliki ilmu dan mampu membezakan halal dan haram, maka kita akan menang melawan hawa nafsu dan menang melawan syaitan.

TAHUKAH ANDA!

Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie



7 KEADAAN YANG DIHARUSKAN MENGUMPAT:

1. Kesaksian yang adil seperti berkata "**Saya tengok dia telah langgar si fulan dengan keretanya, kemudian larikan diri**".
2. Menjauhan masyarakat daripada kekejian seperti berkata "**Dia ni susah nak bayar hutang, jangan beri dia pinjam duit**".
3. Memperkenalkan perkara yang belum dimaklumi seperti berkata "**Kamu tahu dia kuat makan kan? Masak banyak sikit**" atau "**Laaa, yang selalu bawak motor badan senget tu**".
4. Minta fatwa seperti berkata "**Suami saya tidak beri nafkah kepada saya dan anak-anak**".
5. Ketika dizalimi seperti berkata "**Hamdi namanya, dialah yang selalu buli saya di asrama**".
6. Ketika minta tolong seperti berkata "**Hello, balai polis ke ni? Encik, minta datang ke sini, teruk jiran saya sekarang dipukul oleh suaminya**".
7. Menyebut orang yang selalu melakukan maksiat secara terang-terangan seperti berkata "**Netanyahu ni orang yang tak pernah jemu bunuh orang-orang Palestin**".





Antara **Dosa** dan **Pahala**: Kepimpinan Berpelembagaan Islam dalam Timbangan Akidah

Setiap tindakan yang dilakukan oleh seorang Muslim tidak pernah terlepas daripada pertimbangan tentang dosa dan pahala. Prinsip ini merangkumi semua aspek kehidupan masyarakat dan negara, bukan sekadar ibadah individu. Lebih-lebih lagi, apabila ia datang kepada kepimpinan, tanggungjawab itu dinilai bukan sahaja oleh manusia dan undang-undang, tetapi juga oleh Allah SWT, yang merupakan Tuhan Yang Maha Adil.

Kepimpinan sebagai Perjanjian Tauhid

Kepimpinan adalah amanah besar dalam Islam dan bukannya keistimewaan. Rasulullah mengatakan bahawa setiap orang adalah pemimpin dan akan bertanggungjawab atas tindakan mereka sebagai pemimpin. Berdasarkan kepercayaan tauhid, amanah ini berasal daripada kepercayaan bahawa hanya Allah yang mempunyai kuasa mutlak dan bahawa manusia sekadar khalifah yang mengurus dunia mengikut perintah-Nya. Untuk berfungsi dengan betul, kepimpinan Islam yang berpelembagaan perlu mematuhi perlembagaan negara sambil memastikan nilai Islam tidak dipinggirkan. Apabila mereka sedar bahawa setiap tindakan mereka adalah ibadah dan akan dihukum, pertimbangan tentang dosa dan pahala menjadi pertimbangan utama dalam membuat dasar, menggubal undang-undang, dan menguruskan rakyat.

Antara Kepentingan Dunia dan Tanggungjawab Akhirat

Mengimbangi realiti politik, keperluan masyarakat majmuk, dan prinsip syariah adalah cabaran terbesar bagi kepimpinan berpelembagaan Islam. Walaupun keputusan yang dibuat mungkin kelihatan baik dari sudut duniawi dalam situasi tertentu, ia boleh menjadi dosa di sisi Allah jika mengabaikan kebenaran, keadilan dan amanah. Mempertahankan agama, bangsa, dan negara tidak bermakna menindas atau menzalimi orang lain. Islam menyatakan bahawa keadilan adalah asas pemerintahan. Rasuah, penyelewengan kuasa, fitnah politik, dan manipulasi agama akan ditolak oleh pemimpin Islam yang benar-benar memperjuangkan Islam. Ini adalah tempat di mana garis halus yang membezakan antara pahala dan dosa diuji.





Perlembagaan, Islam dan Tanggungjawab Moral

Perlembagaan sebuah negara Islam atau negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan bukanlah penghalang kepada pelaksanaan nilai Islam; sebaliknya, ia merupakan platform untuk menterjemah nilai Islam dengan cara yang bijak dan progresif. Pemimpin Muslim mesti memahami bahawa perlembagaan bukan sekadar kertas undang-undang, tetapi ia adalah tempat untuk menjaga maqasid syariah: agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Kepimpinan boleh melakukan dosa dengan mengabaikan peluang ini, seperti bersikap pasif terhadap isu agama, meremehkan pendidikan Islam, atau membiarkan kerosakan moral berleluasa. Walau bagaimanapun, usaha yang tulus, walaupun kecil, seperti memperkukuh institusi dakwah, keadilan sosial dan pendidikan Islam, mendapat pahala yang berterusan.

Rakyat, Ketaatan dan Tanggungjawab Bersama

Tanggungjawab dalam kerangka dosa dan pahala tidak terhad kepada pemimpin. Selain itu, rakyat bertanggungjawab untuk menasihati, menegur dan menyokong kepimpinan yang menggalakkan kebaikan. Dalam Islam, ketaatan adalah bersyarat selagi kepimpinan tidak membawa kepada maksiat dan pelanggaran prinsip Islam. Selain itu, sikap yang ekstrem atau membuta tuli terhadap kepimpinan yang jelas tidak bermoral boleh membawa masyarakat kepada dosa kolektif. Oleh itu, kedua-dua pemimpin dan rakyat mesti mempunyai kesedaran tauhid.

Kesimpulannya

“Antara dosa dan pahala” adalah realiti dalam kepimpinan Islam berpelembagaan, bukan sekadar ungkapan moral. Setiap tindakan, dasar dan ucapan pemimpin menjadi saksi sama ada mereka memilih jalan pengkhianatan atau amanah. Tauhid, keadilan dan keinsafan bahawa kuasa bukan milik mutlak manusia mesti menjadi asas kepimpinan yang memperjuangkan agama, bangsa dan negara. Terakhir tetapi tidak kurang pentingnya, kepimpinan Islam yang berjaya dinilai berdasarkan sejauh mana ia mendekatkan orang kepada Allah dan menghasilkan pahala, bukannya dosa, di hari akhirat.



سيكمن جاوي

زيارهي قساكيت ساومقام براد دتامن شرک

عَنْ أَبِي أَسْمَاءَ الرَّحْبِيِّ عَنْ ثَوْبَانَ مَوْلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ عَادَ مَرِيضًا لَمْ يَزَلْ فِي خُرْفَةِ الْجَنَّةِ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا خُرْفَةُ الْجَنَّةِ قَالَ جَنَّاهَا

درقد ابو أسماء' ار راهابي داري تساوبان مولى (همبا يغ دمرديكاكن) رسول الله صلى الله عليه وسلم، داري رسول الله صلى الله عليه وسلم بکيندا برسبدا: "اقايلا ساورغ مسلم مغونجوغي ساوداران يغ سدغ ساكيت، مک اورغ ايت سنتياس براد دالم سبواه تامن شرک. بکيندا دتاش; باکايما تامن شرک ايت؟ بکيندا منجواب: 'تامن يغ قنوه دغن بواه-بواه يغ دافت دفتيقن.' (هر مسلم نو: 4660) ستاتوس: حديث صحيح

1. قفاجرن: 1. منزيارهي اورغ ساكيت اداله عبادة يغ بسر كنجرنش. عملن اين مروفاكن سنة مواككد (امت دكالككن).
2. منزيارهي اورغ ساكيت اداله ساله ساتو درقد تغكوغ جواب كيت باكي ميمفورناكن حق ساودارا مسلم يغ لاءين.
3. اورغ يغ منزيارهي اورغ ساكيت ساوله-اوله ايا براد دالم سبواه دري تامن دشرک.
4. زياره اورغ ساكيت بوكن هاش اونتوق قهالا، تتاقي جوگ اونتوق ممبري سوکوغن مورل، دعاء، دان مغيغتكنتن تتغ رحمة الله سرتا كصبرن.
6. اقايلا منزيارهي اورغ ساكيت، دعاءكنله قساكيت. رسول الله صلى الله عليه وسلم مغاجر دعاء كتيك منزيارهي اورغ ساكيت:

ذَهَبِ الْبَاسِ رَبِّ النَّاسِ إِسْفِ وَأَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

مقصودش: هيلاغكانلاه فنكيتش واهاي توهن سكالين ماءنسي، سمبوهاكانلاه واهاي ذات يغ مها مئمبوهكن، تيدق اد يغ دافت مئمبوهكن ملاءينكن كسمبوهن داري-مو، ياءيت كسمبوهن يغ تيدق ممباوا راس ساكيت. (هر بوخاري نو: 5243) ستاتوس حديث صحيح.

تونايكنله تغكوغجواب كيت اونتوق منزيارهي صحابت يغ ساكيت دان دواكان كسمبوهن كغدش.



AKTIVITI UHEI

PROGRAM JOM KENALI JENAYAH SYARIAH

Program Jom Kenali Jenayah Syariah merupakan satu inisiatif berbentuk ilmiah dan kesedaran yang dianjurkan di UiTM Kuala Pilah bagi memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai konsep, jenis-jenis serta implikasi jenayah Syariah dalam akta jenayah syariah di Negeri Sembilan. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran mahasiswa terhadap kepentingan mematuhi hukum Syariah serta peranan undang-undang Syariah dalam membentuk sahsiah dan disiplin diri. Melalui pengisian ceramah dan perkongsian interaktif, program ini diharapkan dapat melahirkan mahasiswa yang berilmu, beretika dan bertanggungjawab selaras dengan nilai Islam dan keharmonian masyarakat.



BACAAN DOA PAGI DAN TAZKIRAH KHAS

Program Bacaan Doa Pagi dan Tazkirah Khas MAINS bertajuk "Wakaf Jalan-Jalan Menyusuri Syurga" merupakan satu inisiatif kerohanian yang diadakan dalam talian. Program ini bertujuan menyemai kesedaran dan kefahaman warga kampus tentang keindahan serta kelebihan amalan wakaf sebagai jalan menuju keberkatan hidup dan ganjaran akhirat. Melalui bacaan doa pagi dan tazkirah yang disampaikan, para peserta didedahkan dengan konsep wakaf sebagai satu bentuk pelaburan amal jariah yang berterusan, di samping menggalakkan budaya memberi dan berkongsi demi kesejahteraan ummah.



BACAAN DOA PAGI DAN TAZKIRAH KHAS

Program Bacaan Doa Pagi dan Tazkirah Khas MAINS bertajuk "Kerana Harta, Aku ke Syurga atau Neraka" yang dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Islam bertujuan memberi peringatan dan kesedaran tentang peranan harta dalam kehidupan seorang Muslim. Melalui pengisian tazkirah, program ini menekankan bahawa harta merupakan amanah Allah yang boleh menjadi jalan menuju syurga jika diurus dan dimanfaatkan menurut syariat, namun boleh juga menjadi punca kebinasaan dan azab jika disalahgunakan. Program ini diharapkan dapat membentuk sikap bertanggungjawab, memperkukuh keimanan serta mendorong warga kerja mengamalkan pengurusan harta yang beretika dan berlandaskan nilai Islam.



SAHAM AKHIRAT



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Kampus Kuala Pilah

**TABUNG PUSAT ISLAM
AL TAQWA**
KAMPUS KUALA PILAH
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

"JOM BERSEDEKAH"
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAN1/02/22>

IMBAS QR CODE & DERMA

Unit Hal. EHWAL Islam Uitm
Cawangan Negeri Sembilan

© hein9_k.pilah



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Unit Hal. EHWAL Islam
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

Tabung Pusat Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

IMBAS & DERMA

JOM BERSEDEKAH
[HTTPS://UITMPAY.UITM.EDU.MY/GIVING/PRODUCT/AAN3/02/23](https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/product/AAN3/02/23)

UHEI UiTM, Kampus Rembau



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Kampus Seremban

**TABUNG PUSAT ISLAM
SHEIKH HAJI AHMAD SAID**
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

SCAN ME

Jom BERSEDEKAH

Sedekah Membawa
Barakah!

BEST CHOICE

<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAN2/02/24>

UNIT HAL EHWAL ISLAM
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

**Sumbangan Anda
Kami Hargai**

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Kuala Pilah



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam



Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia



06-4832291



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puaad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia



06-6342000



Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin

Timbalan Pendaftar (N12)

Ketua Unit Hal Ehwal Islam | UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)

Ketua Seksyen | Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau

Jalan UiTM Rembau

71300 Rembau

Negeri Sembilan

Malaysia



06-6982354



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan